

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Majlis amal bersama DAYANG NURFAIZAH
02 Apr 2010
Midi
NEWS
N/A
Fortnight
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
145
249 cm²
Full Color
2,964
8,893



Majlis amal bersama DAYANG NURFAIZAH

Bersempena dengan Hari Wanita Sedunia 2010 yang disambut pada 8 Mac setiap tahun, Majlis AIDS Malaysia (MAM) menerusi badan khas iaitu Yayasan AIDS Malaysia (YAM) bekerjasama dengan One Bangsar Ballroom, Bangsar Seafood Garden Restaurant mengadakan majlis 'Makan Malam Amal Dayang Nurfaizah'.

Tema yang diangkat oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) bagi menjayakan sambutan Hari Wanita peringkat Antarabangsa 2010 ialah "Kesamaan hak, peluang bersama: Kemajuan untuk semua". Hal ini dilihat selari dengan komitmen Dayang Nurfaizah terhadap golongan wanita yang dijangkiti dan terjejas dengan HIV dan AIDS. Majlis yang mendapat penajaan EMKAY Group ini bagi mengumpul dana untuk membiayai rawatan, penjagaan dan program sokongan yang akan disalurkan kepada Rumah Perlindungan di Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuantan dan Kuala Lumpur khusus buat wanita dan kanak-kanak yang dijangkiti atau terjejas dengan HIV dan AIDS. Majlis yang berlangsung pada 28 Mac akan dirasmikan oleh Penaung Yayasan AIDS Malaysia, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor.

MAJLIS
TEKS: ROSMAH IDAYU ABU SAMAH



Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAM, Datin Mina Cheah-Foong, berkata, kutipan dana disasarkan sebanyak RM250,000 akan disalurkan kepada Rumah Perlindungan di Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuantan dan Kuala Lumpur khusus buat wanita dan kanak-kanak yang dijangkiti atau terjejas dengan HIV dan AIDS. Ia adalah bagi memperbaiki taraf kehidupan mereka dengan membuka perniagaan kecil-kecilan misalnya menjalankan perniagaan runcit ataupun sebagai tukang jahit.

